

Strategi negara keluar pandemik COVID-19

SOP setiap fasa diumumkan dalam masa terdekat

Dari Muka 1

Fasa Ketiga yang disasarkan antara September hingga Oktober pula membabitkan peralihan daripada pendekatan senarai positif kepada negatif iaitu semua aktiviti ekonomi dibenarkan beroperasi kecuali yang berisiko tinggi untuk penularan COVID-19.

Bagaimanapun, peralihan ke Fasa Ketiga hanya boleh dilakukan jika berjaya mencapai nilai ambang, iaitu purata kes harian COVID-19 menurun di bawah paras 2,000, sistem kesihatan awam berada pada tahap selesa dengan penurunan penggunaan katil ICU ke paras mencukupi dan 40 peratus populasi menerima dua dos suntikan vaksin.

Nilai ambang itu disasarkan dapat dicapai paling awal pada akhir Ogos ini.

Dalam Fasa Ketiga ini, sektor ekonomi akan kekal dibenarkan beroperasi pada kapasiti 80 peratus, aktiviti sosial termasuk pendidikan dan sukan tertentu boleh mula dibuka secara berperingkat.

Semua aktiviti pembuatan akan dibenarkan beroperasi ter-

standard (SOP) dan had kapasiti.

Senarai negatif Fasa Ketiga 3 yang tidak dibenarkan beroperasi merujuk kepada aktiviti berisiko tinggi kerana membabitkan keramaian seperti pengunjuran konvensional yang mana penjarakan sosial tidak dapat diamalkan seperti pub, spa dan salon kecantikan.

Kelongsoran kepada had kapasiti akan dipertimbangkan untuk membolehkan syarikat beroperasi sepenuhnya selepas semua pekerja mereka divaksinasi.

Fasa Keempat yang disasarkan November hingga Disember akan dilaksanakan jika negara berjaya mencapai purata kes harian di bawah 500, sistem kesihatan awam berada di paras selamat, termasuk penggunaan katil ICU mencukupi dan 60 peratus populasi sudah menerima dua dos suntikan vaksin.

"Fasa Keempat adalah fasa terakhir Pelan Pemulihan Negara di mana kita seboleh mungkin dapat kembali semula kepada norma kehidupan seharian dengan semua sektor ekonomi dibuka, lebih banyak aktiviti sosial dibenarkan, perjalanan rentas negeri juga dibolehkan. Malah, pelancongan domestik juga akan dibuka tertakluk kepada SOP

yang ketat," kata Muhyiddin.

Perdana Menteri berkata, Fasa Keempat akan dapat dilaksanakan apabila jumlah kes adalah rendah, sistem kesihatan awam pada tahap selamat dan program vaksinasi mencapai tahap imuniti berkelompok, dijangka pada akhir tahun ini.

"Pelan Pemulihan Negara ini adalah pelan dinamik yang mana sekiranya kita berjaya dalam tiga indikator utama pada mana-mana fasa (lebih awal), kerajaan boleh terus mengambil keputusan untuk bergerak ke fasa seterusnya.

"Semua SOP bagi setiap fasa akan diperincikan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan diumumkan dalam masa terdekat," katanya.

Jika mana-mana daripada tiga nilai ambang yang ditetapkan pada sesuatu fasa tidak dicapai, maka negara tidak boleh bergerak ke fasa seterusnya dan kekal di fasa sama sehingga sasaran nilai ambang dicapai.

Muhyiddin berkata, bagi mencapai sasaran Pelan Pemulihan Negara, rakyat perlu terus berjuang, bersatu hati dan tenaga sebagai sebuah bangsa Malaysia yang cekal dan berhati kental untuk memenangi perang me-

nantang COVID-19.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pelan itu dirangka dengan pertimbangan sebaik mungkin bagi memastikan setiap keputusan diambil adalah untuk melindungi nyawa dan memastikan kelangsungan hidup rakyat.

"Pelan ini adalah panduan yang dirangka secara berhati-hati berdasarkan data dan sains untuk membolehkan kita semua kembali kepada kehidupan harian biasa.

"Perkembangan positif kadar vaksinasi harian memberi keyakinan kepada kerajaan bahawa Pelan Pemulihan Negara dapat kita jayakan bersama.

"Lebih ramai yang dilindungi dengan vaksinasi, semakin longgar kawalan pergerakan yang boleh kita laksanakan, lebih banyak sektor ekonomi dan sosial yang boleh dibuka dan kita boleh mula beralih secara teratur dan selamat kepada kehidupan seperti sebelum pandemik," katanya.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata Pelan Pemulihan Negara hanya akan berjaya jika semua pihak berganding bahu menjayakan sa-

saran ditetapkan dalam setiap fasa untuk keluar daripada belenggu COVID-19 dan kembali kepada kehidupan normal.

"Kita kini berada di Fasa Pertama yang kritikal, justeru kerajaan kerajaan, swasta dan komuniti amat penting untuk negara bergerak ke fasa seterusnya.

"Ini masanya untuk semua pihak memainkan peranan masing-masing supaya kita dapat bergerak dari satu fasa ke fasa seterusnya dalam tempoh disasarkan. Jika tidak, kita akan statik di satu fasa saja dan mengambil masa yang lebih lama untuk keluar daripada pandemik ini," katanya.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam (Epidemiologi & Biostatistik) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata strategi utama untuk menjayakan Pelan Pemulihan Nasional adalah dengan rakyat terus patuh kepada SOP dan segera mendapatkan vaksin.

Dr Malina berpendapat, selain mengambil jumlah kes jangkitan harian yang menjadi indikator untuk bergerak ke fasa seterusnya, kerajaan juga perlu melihat kepada jumlah kes aktif semasa yang ketika ini melebihi 70,000 kes.

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan semalam membentangkan Pelan Pemulihan Negara sebagai strategi keluar daripada pandemik COVID-19 dengan sasaran rakyat dapat kembali kepada kehidupan harian biasa menjelang akhir tahun ini.

Strategi dibentangkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin itu merangkumi empat fasa bermula bulan ini hingga Disember dan membabitkan pelan peralihan fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berperingkat dengan setiap fasa pemulihan berpaksikan data

bersandarkan tiga indikator ambang utama.

Tiga indikator itu adalah kadar penularan COVID-19 dalam komuniti berdasarkan bilangan kes jangkitan harian, keupayaan sistem kesihatan awam berdasarkan penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) dan kadar vaksinasi, iaitu berdasarkan peratusan populasi yang sudah lengkap menerima dua dos suntikan.

Pendekatan berperingkat itu bermula dengan Fasa Pertama iaitu pelaksanaan PKP menyeluruh yang dilaksanakan sejak 1 Jun lalu hingga 28 Jun dalam keadaan jumlah kes COVID-19 adalah tinggi, sistem kesihatan

awam pada tahap kritikal dan kadar vaksinasi yang masih rendah.

Fasa Kedua disasarkan bermula Julai hingga Ogos, apabila purata kes harian COVID-19 menurun di bawah 4,000, sistem kesihatan awam tidak lagi kritikal, termasuk penggunaan katil ICU pulih ke paras sederhana dan 10 peratus rakyat sudah menerima dua dos suntikan vaksin.

Dalam fasa ini, beberapa sektor ekonomi dalam senarai positif akan mula dibenarkan secara berperingkat dengan kapasiti pekerja sehingga 80 peratus di premis, manakala pendekatan senarai positif (dari fasa satu) diteruskan iaitu hanya sektor tersenarai dibenarkan beroperasi

manakala yang tidak tersenarai masih ditutup.

Antara dibenarkan, aktiviti pembuatan seperti simen untuk memastikan kelangsungan pembinaan yang dibenarkan serta peruncitan seperti elektronik dan komputer bagi menyokong mereka yang bekerja dari rumah.

Aktiviti pembuatan, pembinaan, peruncitan dan perkhidmatan yang tidak disenaraikan kekal tidak beroperasi seperti tekstil dan kedai perabot.

Dalam fasa ini, semua sektor sosial kekal tidak dibenarkan dan kawalan pergerakan terus dikawal ketat.

Nasional 2